

Headline	Sallehuddin ketua rombongan Jelajah Agropreneur Muda		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	18 Nov 2019	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	7	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	170 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 377
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,130



Sallehuddin ketua rombongan Jelajah Agropreneur Muda

TAMPARULI: Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA), Datuk Mohd Sallehuddin Hassan telah mengetuai satu rombongan dari MOA dalam siri lawatan Jelajah Agropreneur Muda ke Jongrapevines & Figs Garden di Kampung Bantayan dekat sini pada Ahad.

Beliau diiringi antara lain oleh Pengarah Unit Agropreneur Muda (UAM), Encik Mohammad Ezri Samsuddin dan Pengarah FAMA Negeri, Encik Ribin Wahid. Turut hadir ialah Dekan Fakulti Pertanian UMS, Prof Dr Abdul Hamid Ahmad dan Pengurus Operasi UMS Investment Holdings, Encik Francis Vincent Ariffin Jnr.

Rombongan MOA itu disambut oleh Penasihat Teknik Jongrapevines, Encik Jontih Enghihon; Pengurus, Puan Nonie Bansunin, dan Penolong Pengurus, Encik Jonovan Jontih.

Penanaman anggur dimulakan sebagai hobi di keliling rumah semasa Jontih berkerja di Ipoh, Perak dalam tahun 2011-13. Pada tahun 2014 setelah ditukar balik ke Sabah beliau juga mula menanam fig (buah tin) di keliling rumah selain anggur.

Pada 2015 beliau membina Greenhouse yang pertama di kebun beliau di Bantayan, Greenhouse ke-2 dalam 2016, Greenhouse ke-3 pada 2017, dan yang ke-4, ke-5 dan ke-6 pada tahun lalu.

Pada 2018 Jon Grapevines & Figs Garden Enterprise didaftarkan secara rasminya dan sekali gus menyaksikan permulaan Agrotourism yakni kebun itu dibuka kepada pelawat.

